

# Bekas pelajar UUM mohon segera transkrip akademik

4m 19/4/11 2415

**S**AYA bekas pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menamatkan pengajian dan latihan praktikum pada 30 November tahun lalu.

Kelazimannya sesi konvokesyen akan diadakan pada Mac dan Oktober pada setiap tahun, manakala bagi mereka yang menamatkan pengajian pada November, sesi konvokesyen pada bulan Mac tahun berikutnya.

Tetapi, mulai tahun ini pihak UUM menetapkan sesi konvokesyen akan diadakan sekali setahun iaitu pada Oktober atas faktor tertentu.

Oleh itu, saya dan rakan-rakan perlu menunggu lebih kurang setahun selepas menamatkan pengajian untuk memperoleh ijazah iaitu pada Oktober depan.

Kami akur keputusan itu dan untuk 'menyedapkan hati' kami, pihak UUM berjanji untuk memberikan Transkrip Akademik Sementara sebagai ganti kepada ijazah sebaik saja kami menamatkan pengajian.

Bagi kami, Transkrip Aka-

demik Sementara itu amat diperlukan untuk tujuan memohon pekerjaan dan menghadiri sesi temu duga kerana ia menjadi bukti kami sudah menamatkan pengajian.

Tetapi, selepas tiga bulan berlalu, transkrip itu belum diperoleh.

Apabila membuat permohonan pekerjaan secara dalam talian dan mendapat panggilan temu duga, semestinya transkrip itu diperlukan ketika sesi temu duga dan perlu memberikan maklumat sepenuhnya berkaitan temu duga berkenaan kepada pihak UUM sebelum transkrip diproses.

Mengapa tidak diproses dan dihantar segera kepada semua bekas pelajar sedangkan mereka boleh memprosesnya bagi yang memerlukan segera?

Sehingga ke hari ini, kami tidak boleh memohon pekerjaan akibat tidak mempunyai transkrip itu.

**ANAK PERLIS,  
Kangar, Perlis**